

Genntian optik cabaran penyedia ICT

B.H M/S 11 21.3.07

LANGKAH Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi menyarankan agar Telekom Malaysia Berhad (TM), melabur dalam penyediaan kabel gentian optik sebagai usaha terbaik bagi menaik taraf perkhidmatan internet jalur lebar berkelajuan tinggi di negara ini.

Cadangan itu harus dipandang serius semua pihak terbabit dengan telekomunikasi di negara ini.

Selaku penyedia tunggal talian tetap komunikasi, TM harus digerakkan kerajaan agar membawa masuk industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) ini hingga setanding dengan negara maju lain.

Kelajuan internet sehingga 1,000 MBps amat penting bagi menjayakan perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar 2.3 Gigahertz WiMAX yang baru diluluskan lesennya kepada empat syarikat telekomunikasi, baru-baru ini.

Penyediaan prasarana talian tetap komunikasi negara, masih jauh ketinggalan berbanding Hong Kong, Taiwan atau Korea Selatan yang kebanyakan rumah pangsa kos rendah di negara itu sudah dibekalkan sambungan internet dengan gentian optik yang menyediakan kelajuan internet sehingga 1,000 MBps.

Saya melihat isu atau saranan kementerian itu sebagai satu cabaran besar untuk maju setapak lagi ke hadapan kepada semua peneraju syarikat telekomunikasi negara pada hari ini. Kita semua sudah maklum kepesatan teknologi khususnya bidang ICT adalah kemajuan yang tidak mampu kita sekat lagi.

Justeru, syarikat telekomunikasi negara harus bersiap sedia bergerak seiring syarikat negara lain yang berlumba-lumba menyediakan sistem teknologi dan kemudahan terbaik mengikut arus kemajuan semasa global.

Misalnya, teknologi penerokaan angkasa, sistem pangkalan data kerajaan, sistem kewangan dan informasi di negara ini amat memerlukan prasarana terbaik yang moden dan maju daripada penyedia talian tetap komunikasi negara yang seharusnya melihat isu ini sebagai satu peluang

dan cabaran untuk membangun syarikat mereka demi masa depan agar terus relevan mengikut arus peredaran masa dan zaman.

Kementerian melihat rasional membangun gentian optik bagi menggantikan talian tembaga yang sudah ketinggalan teknologinya harus dimulakan segera agar kesinambungan teknologi terbaru yang sudah berada di pasaran atau yang bakal muncul, boleh dapat diterima pakai penggunaannya di negara ini.

Tanggungjawab berat dan peranan besar TM ke arah usaha mengejar kemajuan teknologi yang amat pantas ini adalah amat penting kepada negara dan usaha ini seterusnya dijangka dapat merapatkan jurang teknologi kita dengan negara maju lainnya.

Apa yang kita suka dengar pada hari ini adalah kemajuan setapak demi setapak pembangunan teknologi telekom di Malaysia, bukannya sekadar keuntungan berbilion ringgit yang menjadi kebanggaan, tetapi kekuatan memajukan prasarana telekomunikasi di negara ini juga bakal menjadi kebanggaan seluruh rakyat keseluruhannya.

Oleh yang demikian sempena menyemarakkan semangat 50 tahun kemerdekaan negara tahun ini, TM harus bekerja dan berusaha lebih gigih bersama-sama kerajaan dan seluruh rakyat ke arah merealisasikan Wawasan 2020 yang tunjangnya terletak kepada kemajuan sistem komunikasi dan informasi negara, dengan kemajuan itu amat memerlukan pembangunan dan kemajuan prasarana gentian optik yang terbaik daripada TM dalam waktu terdekat ini.

Saban hari kita didedahkan dengan semua maklumat teknologi terkini yang berada di pasaran antarabangsa melalui media massa dan internet, namun prasarana teknologi di negara ini masih belum mengizinkan kita semua merasai atau memiliki teknologi itu.

SAMSUDIN SMAIL
Nusajaya, Johor.